

Headline **UM universiti cemerlang**  
Date **17. May 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **11**  
Article Size **243** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



# UM universiti cemerlang

**P**UTRAJAYA: Universiti Malaya (UM) semalam diiktiraf sebagai universiti cemerlang apabila memperoleh skor 5 bagi kategori universiti berasaskan penyelidikan menurut kajian Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (Setara) tahun lalu.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata pencapaian UM itu mengatasi tiga lagi universiti dalam kelas sama iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memperoleh skor 4 (Sangat Baik) manakala Universiti Sains Malaysia (USM) pula memperoleh skor 3 (Baik).

"Ini pertama kali kita menggunakan sistem ini (Setara) dan ia bertujuan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan IPTA dalam usaha membudayakan penambahbaikan kualiti berterusan," katanya di sini, semalam.

Kajian Setara dilakukan pasukan yang diketuai Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Dr



**HORMAT...Canselor UM, Sultan Perak Sultan Azlan Shah bersama Permaisuri Jordan, Rania Al-Abdullah (di kanannya) ketika berangkat meninggalkan majlis Konvokesyen Khas di Dewan Tuanku Canselor UM, semalam.**

Che Husna Azhari bersama empat tenaga akademik UKM dan seorang wakil bebas, serta diselia Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Bagi kategori universiti umum, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) berada di skor 4 (Sangat Baik) manakala Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berada di skor 3 (Baik).

"Bagi kategori universiti khusus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berada di skor 3 (Baik) manakala Uni-

versiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTTHO), Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada di skor 2 (Memuaskan)," katanya.

Mohamed Khaled berkata, sistem penarafan yang dipersejajui Jemaah Menteri pada Oktober 2005 itu mengandungi enam domain utama

dan 89 indikator, serta dinilai berdasarkan skor 1-6 dengan yang tertinggi dikategorikan sebagai terbilang, diikuti dengan cemerlang, sangat baik, baik, memuaskan dan yang terakhir adalah lemah.

"Kalau dibandingkan dengan Times Higher Education Supplement (THES), domain mereka kebanyakannya lebih kepada persepsi, manakala sistem ini lebih komprehensif dengan domain seperti reputasi staf akademik, pemilihan pelajar, penyelidikan, program akademik, sumber dan pengu- rusan," katanya. -- Bernama